

---

# Lakuan Pertuturan Asertif Dan Direktif Membentuk Pengaruh Lisan Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Emosi Dan Tingkah Laku Yang Terkesan

---

Hasmahyon Bt Hj Bujang & Vijayaletchumy Subramaniam  
Universiti Putra Malaysia  
Serdang Selangor, Malaysia

kembali2002@yahoo.com & [vletchumy@upm.edu.my](mailto:vletchumy@upm.edu.my)

---

## Abstrak

Komunikasi sangat penting kepada semua genre masyarakat yang memerlukan kemahiran untuk berkomunikasi terutama dalam media kemajuan dimensi ini. Begitu juga dengan emosi yang merujuk kepada suatu perasaan dan fikiran khusus, dan melibatkan biologi dan psikologi dan membawa kepada kecenderungan untuk bertindak. Emosi juga pada dasarnya didorong oleh kekuatan minda dan dapat membentuk kesedaran diri atau kewarasan dan kebolehan untuk mengetahui serta memahami hubungan antara satu dengan yang lain menerusi komunikasi. Kajian ini dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan Saint Michael Entingan untuk mengenal pasti jenis-jenis lakuan pertuturan yang digunakan oleh kanak-kanak prasekolah semasa mereka berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya dalam kelas prasekolah. Menerusi komunikasi dan emosi yang berbagai melalui pemerolehan bahasa dan perkembangan bahasa kanak-kanak pada peringkat umur 6 tahun. Data yang dikumpul melibatkan rakaman video semasa kanak-kanak prasekolah sedang belajar, menjalankan aktiviti, bermain dan berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Melalui kaedah pemerhatian, temubual, soal selidik, kajian dokumen, sebelum dan selepas intervensi digunakan bagi melakukan kajian ini didapati bahawa kanak-kanak prasekolah menggunakan lakuan pertuturan yang tertentu dalam komunikasi di kelas semasa. Manakala, lakuan pertuturan yang paling kerap digunakan oleh murid-murid prasekolah adalah lakuan pertuturan asertif 75 % dan lakuan pertuturan direktif 25%.

Kata kunci: Emosi, pembelajaran, murid prasekolah, kemahiran, lakuan pertuturan

---

## Abstract

Communication is very important to all genres of society that require skills to communicate, especially in today's advanced media. Likewise with emotions which refer to a specific feeling and thought, and involve biology and psychology and lead to a tendency to act. Emotions are also basically driven by the power of the mind and can form self-awareness or sanity and the ability to know and understand the relationship between each other through communication. This study was carried out at Sekolah Kebangsaan Saint Michael Entingan to identify the types of speech acts used by preschool children when they interact with teachers and peers in preschool classes. Through communication and various emotions through language acquisition and language development of children at the age of 6 years. The data collected involved video recordings while preschool children were learning, carrying out activities, playing and interacting with teachers and peers. Through observation, interview, questionnaire, document study, before and after intervention methods were used to conduct this study, it was found that preschool children use certain speech acts in communication in the current classroom. Meanwhile, the most frequently used speech acts by preschoolers are assertive speech acts 75% and directive speech acts 25%.

Keywords: Emotion, learning, preschoolers, skills, speech acts

142  
Received: 10 June 2025  
Revised: 20 June 2025  
Accepted: 30 June 2025

## I. PENGENALAN

Bahasa dan budaya sebenarnya tidak dapat dipisahkan kerana mengkaji bahasa akan menemui pelbagai lambang yang membantu memberi rona dalam budaya masyarakat. Terdapat banyak pengaruh yang membawa kepada pelbagai kebolehan untuk menghasilkan sesuatu dalam meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam kalangan kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah terutama murid prasekolah. Kajian ini bertujuan untuk melihat kepelbagaian aras perkembangan kognitif murid itu sendiri dan merujuk kepada bentuk emosi dalam menerima pengetahuan berdasarkan proses “memahami”, di mana kognitif murid akan menghubungkan kembali kognitif dengan konsep yang telah dipelajari atau pengetahuan sedia ada murid itu sendiri yang disampaikan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran sebelumnya. Bagi kanak-kanak prasekolah pula emosi mereka adalah berbeza-beza dan orang dewasa akan cuba memahami dan menyelami perasaan mereka. Ada juga dalam kalangan ibu bapa membenarkan kanak-kanak melepaskan perasaan dan menjangkakan perlakuan yang ditunjukkan adalah normal. Namun yang jelasnya melarang mereka melepaskan geram tidak akan membantu menyelesaikan masalah. Kanak-kanak sering dikaitkan dengan pelbagai perlakuan yang berbagai sama ada aktif ataupun kurang aktif bergantung kepada paras kekuatan minda, fizikal ataupun mental. Keunikan kanak-kanak adalah mereka yang mempunyai jiwa kental serta mempunyai semangat untuk bersifat rasional dan sentiasa merasa dunia adalah milik mereka. Kategori itu adalah bagi kanak-kanak yang boleh berfikir dan bertindak mengikut kemampuan yang mereka miliki. Bagi kanak-kanak yang tidak aktif atau slowly di mana tahap kegiatan mereka mempunyai masalah tidak berminat dengan apa yang kanak-kanak aktif lakukan kerana tahap kelambatan yang mereka perolehi adalah disebabkan oleh faktor seperti sakit, masalah keluarga dan lain-lain.

Kemahiran berkomunikasi amat penting untuk dikuasai oleh kanak-kanak yang meningkat dewasa. Untuk menguasai kemahiran ini, kanak-kanak perlu didedahkan dengan beberapa kaedah dan teknik contohnya kanak-kanak diajar kemahiran berinteraksi bersama rakan sebaya ketika di sekolah atau di mana-mana. Menaakul adalah asas yang sangat penting untuk dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah kerana kemahiran yang diperolehi sangat diperlukan dalam semua tindakan berdasarkan elemen emosi atau tindakan yang

dilakukan. Bagi membuat tindakan susulan kepada permasalahan kanak-kanak tersebut dengan melakukan intervensi yang sesuai dengan masalah

yang berlaku. Sh.Nor Putih, Aliza Ali (2011) dalam pendekatan bermain dalam pengajaran literasi kanak-kanak prasekolah menjelaskan bahawa melalui aktiviti bermain, kanak-kanak dapat belajar dan mereka akan melalui perubahan yang berlaku dalam diri seperti kesedaran yang akan memberi mereka kekuatan untuk berubah sama ada dalam bentuk fizikal ataupun mental. Guru memainkan peranan penting dalam mengurus emosi kanak-kanak agar mereka dapat memiliki produktiviti belajar secara aktif dan tidak bergantung semata-mata kepada guru ataupun ibu bapa. Kreativiti kanak-kanak juga sering dilihat bergantung kepada cara konsepsi guru mengajar yang boleh memberi penilaian sendiri kepada kanak-kanak untuk memasukkan pendekatan kreativiti dalam aktiviti yang dilakukan. Konsep strategi telah digunakan bagi mengesan hala tuju dan minat murid prasekolah dalam melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan di sekolah. Guru telah membahagikan empat strategi agar usaha membina pelibatan murid prasekolah dalam aktiviti dapat dijalankan dengan sempurna menerusi jadual 1.

menentukan interaksi bilik darjah dan tindak tutur adalah ujaran lisan yang digunakan dalam komunikasi bilik darjah. Pertuturan asertif banyak digunakan oleh guru ketika memberi ujian kepada

Jadual 1.

STRATEGI GURU	HASIL DAPATAN
1. Perancangan	Bekerjasama
2. Peranan guru	Merancang
3. Peranan ibu bapa	Membantu guru
4. Peranan masyarakat	Membantu guru

## II. KAJIAN LEPAS

Melalui kajian Ahmad Fadilahtur Rahman (2016), kajian tutur pujian guru dalam interaksi pembelajaran di kelas membentuk peranan guru dalam interaksi pembelajaran amatlah penting sebagai seorang yang mampu memberikan motivasi semangat belajar kepada murid-muridnya untuk berusaha dengan lebih jitu melalui lakuan pertuturan yang disampaikan secara lisan. Pronina, M., Prieto, P., Bischetti, L., & Bambini, V. (2023) menjelaskan bahawa pragmatik terletak pada titik di mana bahasa bertemu dengan dunia sosial dan merangkumi kedua-dua dimensi linguistik dan sosial komunikasi. Menerusi kajian Yulian, A. A., & Mandarani, V. (2023), lakuan pertuturan

pelajar dan menyebabkan pelajar boleh membuat pilihan untuk menggunakan pendekatan pembelajaran dalam tindakan klasifikasi tindakan pertuturan bagi menentukan pengajaran yang seterusnya.

Fokus Kurikulum Standart Prasekolah Kebangsaan ialah untuk melahirkan murid yang mempunyai kebolehan berkomunikasi dengan yakin. Mahir berkomunikasi merupakan salah satu daripada ciri-ciri murid yang menguasai kemahiran abad ke-21 iaitu mampu menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan. Manakala guru berperanan sebagai pemudahcara atau pembimbing yang memandu murid agar mereka bersedia untuk menghadapi cabaran dan mengikuti pembelajaran seterusnya. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti metodologi terbaik untuk murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran di sekolah.

Permasalahan kanak-kanak yang kurang dan tidak berminat mengikuti pembelajaran guru banyak mengundang kepada kelemahan dalam penguasaan kelas. Kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran dapat dikesan mempunyai abiliti tidak yakin kepada diri sendiri ketika guru mengajar. Guru dapat mengesan impak kelemahan kanak-kanak tersebut adalah disebabkan faktor kurangnya pengurusan emosi yang positif kerana terbeban oleh masalah yang mereka alami.

Perancangan strategi yang sesuai untuk mengatasi masalah yang berlaku kepada kanak-kanak prasekolah ini adalah untuk melihat kecerdasan dan kelemahan mereka sebagai satu tinjauan sama ada bebanan yang mereka tanggung dapat memberi kesedaran bagi tindakan bertanggungjawab dan membantu untuk mengurangkan beban pengurusan emosi yang berlaku dalam diri mereka serta berusaha untuk mengubah karektor dan sikap secara perlahan setelah berbincang dengan keluarga kanak-kanak berkenaan. Murid yang bermasalah dalam komunikasi dan bahasa juga tidak dapat menonjolkan potensi mereka jika guru gagal mengenal pasti dan mendiagnosis masalah mereka lebih awal.

Lado (1957) mengatakan bahawa pengetahuan bahasa dapat meramalkan atau menghuraikan pola-pola yang menyebabkan kesukaran di dalam pembelajaran sesuatu bahasa dan pola-pola yang

tidak sesuai menyebabkan kesukaran kepada pelajar dengan membandingkan secara saintifik. Menurut Kamarudin Hj. Husin (1998) : “Mereka

dapat menguasai bahasa itu dengan cara 'memperolehi' bukan melalui proses pembelajaran. Dijangkakan bahawa kanak-kanak tersebut mempunyai elemen pernyataan yang dijelaskan oleh Lado dan Kamarudin Hj. Husin.

Direktif	Percubaan penutur untuk membuatkan pendengar melakukan sesuatu
----------	--

### III METODOLOGI

Teori tindak tutur pertama kali dikemukakan oleh John Langshaw Austin dan kemudian dikembangkan oleh muridnya, John Searle telah meletakkan teori ini mengkaji hubungan antara bahasa dan tindakan, yang mencakup tiga tingkatan: lokusi (makna ujaran yang jelas), ilokusi (makna tersirat), dan perlokusi (tindak tutur). Analisis ini penting untuk memahami bahawa konsep sosial di sekolah dan komunikasi dapat mempengaruhi suasana belajar dan mengajar. Tindak tutur ekspresif mencakup berbagai bentuk komunikasi seperti mengungkapkan kebahagiaan, kemarahan, atau ucapan terima kasih, dan dapat diekspresikan melalui kata-kata juga melalui intonasi, ekspresi wajah, dan bahasa tubuh. Analisis ini juga dapat membantu mengidentifikasi masalah komunikasi yang mungkin terjadi dan mencari solusi untuk meningkatkan kualiti interaksi dalam di lingkungan pendidikan kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran dan sebagainya. Teori ini mengetengahkan lima lakuan, iaitu asertif, ekspresif, direktif, komisif dan deklaratif. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif.

**Rajah 1. Kerangka Lakuan tutur Searle (1969-1976)**

Jenis-jenis Lakuan tutur	Penerangan Lakuan Tutur Searle (1969-1976)
Representif	Penutur menyatakan proposisi yang benar mengikut keadaan yang berlaku
Deklarasi	Prestasi penutur yang berjaya menghubungkan isi tuturan dengan kenyataan yang realiti
Ekspresif	Penutur menyatakan keadaan psikologi dengan iklas terhadap suatu keadaan

Hanya dua sahaja lakuan pertuturan yang berlaku dalam kajian dijalankan meskipun merangkumi kelima-lima lakuan pertuturan Searle (1969) diperkenalkan iaitu lakuan pertuturan asertif dan direktif.

### **Asertif**

Tindak tutur ini mempunyai fungsi memberitahu mengenai sesuatu dan mencakupi konsep mempertahankan, meminta, mengatakan, menyatakan dan melaporkan dan bersedia untuk melakukan sesuatu dengan tegas dan penuh semangat untuk memperlihatkan niat yang sebenarnya.

### **Asertif menyatakan**

Lakuan pertuturan asertif merupakan bentuk tuturan yang dimaksudkan untuk menyatakan petunjuk mengenai perkara yang sedang berlaku secara langsung kepada lawan tutur. Bentuk tuturan ilokusi asertif memberi khabar secara langsung kepada lawan tutur tentang kondisi yang sedang berlangsung di sekeliling mereka.

### **Direktif**

Tindak tutur yang berfungsi untuk membuat penutur melakukan sesuatu seperti: membuat cadangan, permintaan, dan perintah. Kebiasaannya perkataan yang diucapkan adalah berdasarkan kepada cara seorang penutur untuk menyatakan melalui perbuatan dan sikap.

### **A. Subjek Kajian**

Melalui kajian yang dijalankan, hanya lima sahaja murid bermasalah yang dikenal pasti untuk menjalankan aktiviti.

1. Seorang murid -berusia enam tahun. Mewakili murid (A). Mempunyai masalah pertuturan seperti pelat. Banyak bergantung kepada ibu untuk melakukan apa sahaja aktiviti. Kurang bercakap dan agak lambat menguasai pengajaran yang dijalankan.
2. 3 orang murid mempunyai masalah pembelajaran- berumur 6 tahun. Mewakili murid B, C dan D. Boleh bermain dan belajar dengan kawan. Kesannya mereka

tidak dapat memberi tumpuan yang menyebabkan mereka takut untuk memberi respons apabila guru bersoal jawab dalam pengajaran yang dijalankan.

3. Seorang kanak-kanak berusia enam tahun mengalami masalah sakit jantung sejak kecil. Mewakili murid E. Kesan penyakit menyebabkan tidak aktif dan lemah dalam semua aktiviti. Dapat menyebut huruf dan mengingati pengajaran yang disampaikan oleh guru tetapi lambat untuk memberi respon yang diinginkan.

Guru hanya dapat menjalankan 2 sahaja aktiviti pada setiap minggu agar masa pengajaran kelas prasekolah tidak terganggu dan akan memulakan pada awal pagi iaitu sekitar jam 7.15 hingga 7.30

## B. TINDAKAN INTERVENSI

Bagi membantu dan membuat intervensi guru telah menggunakan pembahagian minggu untuk mendapatkan respons. Tugasnya agak mudah tetapi mencabar. Kanak-kanak prasekolah melakukan aktiviti berbual secara lisan dan memberi sentuhan seperti tanda isyarat atau tepuk tangan jika mereka berjaya menyebut huruf-huruf yang beriklan. Sememangnya mereka berminat dan dapat memberi kerjasama. Guru juga memulakan kajian pada minggu keempat memandangkan mereka perlu dibantu secepat mungkin bagi menghindarkan mereka tidak tertinggal dalam pengajaran kelas biasa yang dijalankan.

### Rajah 2. INTERVENSI 1

MINGGU 4	TINDAKAN	REFLEKSI
Bantuan kad huruf abjad ( 6 huruf awal ) ( a,b, c, d, e)	Mereka membaca berulang-ulang	Membuat catatan ( mengumpul huruf abjad yang telah dikuasai)
( Aktiviti - 15 minit) Bermain mewarnakan huruf (10 minit)	Mengasingkan 2 warna untuk huruf yang berbeza ( vokal a dan e ( konsonan b dan c)	2 daripada kanak-kanak dapat menguasai huruf ( vokal a dan e ( konsonan b dan c)
AKTIVITI TAMBAHAN JIKA ADA	Membuat ulangan pembelajaran - jika ada masa. Catatan : ( Ada/Tidak)	Aktiviti pengayaan jika sesuai dengan kebolehan Catatan :( Ada/ tidak)

pagi. Seterusnya, perbincangan makalah ini berfokuskan kepada keupayaan murid mengekspresikan pemikiran pengarang secara kritis yang menyangkut kehidupan kanak-kanak menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pembelajaran. Dua elemen didik hibur yang diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran kepada murid iaitu elemen nyanyian membantu kanak-kanak prasekolah menimba ilmu secara hafalan dan proses mengingat dan membuat ulangan setiap pelajaran yang diterima daripada guru.

Kombinasi menyatakan dengan mengarah dan kombinasi menyatakan dengan bertanya semasa berinteraksi dengan kanak-kanak prasekolah

**Rajah 3 :INTERVENSI 2**

MINGGU 6	TINDAKAN	REFLEKSI
Menyanyi lagu huruf	Menyanyi lagu abjad a,e,I, o,u,	Semua suka
( Aktiviti - 15 minit ) Memadankan huruf yang sama untuk latihan pengukuhan	Membuat latihan huruf untuk dipadankan dengan huruf.	2 daripada kanak-kanak dapat membuat lembaran kerja yang diberikan.
AKTIVITI TAMBAHAN JIKA ADA	Membuat ulangan pembelajaran -jika ada masa. Catatan : ( Ada/Tidak)	Aktiviti pengayaan jika sesuai dengan kebolehan Catatan :( Ada/ tidak)

Melalui sorotan kajian yang yang dijalankan,guru menggunakan pelbagai data bagi menentukan kesahihan kajian yang dijalankan. Aplikasi kedua-dua kaedah kajian ini masing-masing merujuk kepada faktor penggunaan lakuan pertuturan dan analisis frekuensi, iaitu kecenderungan penggunaan lakuan pertuturan yang berlaku kepada kanak-kanak prasekolah adalah melalui rasional pemilihan data yang telah memaparkan penggunaan lakuan pertuturan melalui objektif dan analisis yang menemukan penggunaan lakuan ilokusi yang pelbagai iaitu penggunaan lakuan asertif dan direktif dalam kajian yang dijalankan.

Kajian ini mendapati lakuan pertuturan yang kerap digunakan oleh murid-murid bukan sahaja menunjukkan kategori khusus lakuan pertuturan namun kebanyakan adalah menunjukkan kategori kombinasi dua lakuan pertuturan yang berbeza.

dijalankan untuk mengenal pasti tahap penggunaan lakuan pertuturan di peringkat kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi dengan guru dan rakan sebaya. Kombinasi menyatakan dengan kombinasi menyatakan dengan bertanya semasa berinteraksi dengan guru dapat membentuk tahap penggunaan lakuan pertuturan di peringkat kanak-kanak prasekolah semasa berinteraksi.

Penelitian ini berfokus pada analisis tindak tutur asertif dan ekspresif yang menggunakan teori tindak tutur dari teori John Searle dan metode deskriptif kualitatif dengan teknik analisis isi khususnya yang mencerminkan tindak lakuan pertuturan asertif dan direktif. Pengumpulan data dilakukan dengan cara dokumentasi, dan analisisnya dilakukan berdasarkan kategori lakuan pertuturan yang berlaku kepada kanak-kanak prasekolah.

#### Rajah 4. Lakuan Pertuturan Asertif

Bil	Contoh ujaran	Jenis lakuan pertuturan
1	murid A - Saya ada buku (murid B - saya pun ada.	Asertif menyatakan
2	Murid C - Nanti awak main dengan saya. Murid D - Boleh. Kita main huruf dan gambar.	Asertif menyatakan
3	Murid C - Cikgu bagi gambar lagi Murid E - Nanti kita baca sama-sama	Asertif menyatakan
4	Murid A- Lagu ini sedap.Jom kita nyanyi sama-sama Murid C - Saya pun suka. (gembira)	Asertif menyatakan
5	Murid D - Saya tak dapat padan huruf ini Murid B - Nanti saya tolong awak	Asertif menyatakan

### Rajah 5. Lakuan Pertuturan Direktif

Bil	Contoh ujaran	Jenis lakuan pertuturan
1	murid A - Jangan pegang pencil, nanti cikgu marah (murid B - Saya ada pensil sendiri	Lakuan direktif
2	Murid C - Jangan duduk kerusi itu Murid D - Duduk dimana?	Lakuan direktif
3	Murid C - Mari baca buku ini, Nanti kita jadi pandai. Murid E - Betullah tu.	Direktif menasihati
4	Murid A- Awak bawa bola, nanti saya bawa buku. Murid B - Nanti saya bawa warna. Cepatlah, cikgu sudah datang.	Direktif menyuruh

Perbezaan dua jenis lakuan pertuturan tersebut dapat diringkaskan seperti berikut;

1. Seorang penutur mengucapkan ayat-ayat dengan makna yang tertentu (lakuan pengucapan), Dengan niat yang tertentu (lakuan niat pengucapan)
2. Meninggalkan kesan yang tertentu pada pendengar/pembaca (lakuan tindak balas pengucapan)

Kemahiran bertutur ditakrifkan sebagai kegiatan melafazkan bunyi-bunyi yang dilahirkan daripada alat artikulasi manusia dan ianya merupakan kemahiran berinteraksi dalam suasana berbahasa. Bagi maksud kajian ini, kemahiran bertutur adalah merujuk kepada keupayaan kanak-kanak memahami maksud lakuan pertuturan yang didengar seterusnya memberi tindak balas. Penutur boleh mengubahsuai penggunaan bahasa melalui beberapa peraturan tahap rendah yang mereka tahu. Apabila sesuatu bahasa dipelajari dengan betul, penggunaan bahasa secara sedar boleh menyumbang kepada Peningkatan ketepatan penggunaan bahasa yang sepatutnya.

### V.DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa lakuan pertuturan asertif iaitu tindakan lakuan pertuturan yang dominan digunakan bagi mengekspresikan emosi positif, serta tindakan lakuan pertuturan direktif yang digunakan melalui interaksi yang telah berlaku melalui pertimbangan dalam hubungan yang berlaku. Penelitian ini memberi kesimpulan bahawa tindakan lakuan pertuturan yang sesuai telah memainkan peranan yang sangat penting dalam menggambarkan emosional dan konflik sosial dalam kalangan murid-murid prasekolah. Tindakan lakuan pertuturan ekspresif yang digunakan dalam lingkungan sekolah memberikan harapan tentang bagaimana kanak-kanak dapat membentuk dan mengekspresikan emosi mereka dalam berbagai situasi formal ataupun informal. Lakuan pertuturan merupakan kegiatan komunikasi sehari-hari yang melibatkan penerimaan dan makna atau informasi membentuk jati diri murid untuk membina konsep sendiri secara positif.

Lakuan pertuturan melalui konteks pragmatik dianggap sebagai hasil dari suatu tindakan verbal dan memiliki sifat psikologi yang amat bergantung kepada kemampuan berbahasa penutur dalam menghadapi situasi tertentu, yang dikenali sebagai tindakan pertuturan yang dapat disampaikan melalui media lisan ataupun tulisan, termasuk dalam media sosial yang dapat di ekspresi melalui idea dan informasi secara luas. Seterusnya, lakuan pertuturan juga merupakan ujaran atau pertuturan seharian yang memberi makna tertentu mengikut konteks tertentu. Lakuan pertuturan sentiasa berlaku dalam komunikasi harian melibatkan pelbagai medium komunikasi dalam menyampaikan mesej dan maklumat. Menurut Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminudin Saimon (2021), setiap ujaran yang diucapkan dalam bentuk komunikasi sama ada dalam bentuk tulisan atau lisan mempunyai lakuan yang tertentu. Ini jelas menunjukkan bahawa kajian berkaitan lakuan pertuturan bertujuan untuk melihat sejauhmana lakuan pertuturan yang diujarkan mampu menjadi medium komunikasi untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat.

Kajian yang dilakukan ini berfokus kepada lakuan pertuturan yang turut menyumbang kepada unsur

pendidikan dalam konteks pengajaran dan

pembelajaran. Fokus utama dalam kajian ini adalah membincangkan aspek strategi komunikasi kanak-kanak. Sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa pendidikan awal kanak-kanak prasekolah iaitu tadika (*kindergarten*) dan taska (*daycare centres*) merupakan perkara paling penting dalam sistem peralihan dari rumah ke alam persekolahan (Ben-Ari, 1997; Lewis, 1995; Peak 1991). Menurut Merriam (2002), guru perlu juga dikaji dengan menggunakan kaedah pemerhatian bagi mengenal pasti tingkah laku berkaitan dengan cara bentuk pengajaran guru kepada murid. Seorang pemerhati yang berada di satu tempat peristiwa boleh melihat tingkah laku sebagaimana ia benar-benar berlaku agar tidak mempengaruhi kepada tindakan mengajar murid-murid yang bermasalah dalam pendidikan.

Di sini dengan jelasnya memungkinkan persepsi kanak-kanak tersebut tidak menunjukkan minat dalam pembelajaran mereka dan melihat pengajaran yang mereka lalui sebagai berada di awang-awangan hanya sekejap sahaja. Selepas melalui aktiviti yang sesuai dengan jiwa, dan tindakan guru telah melakukan beberapa strategi yang sesuai dan mempunyai beberapa kreativiti yang mampu menarik minat kanak-kanak prasekolah seperti mana yang telah dinyatakan dalam Lakuan Pertuturan atau '*Speech Act*' oleh Wunderlich (1976, 1977) dan Hausser (1977) yang memberikan lakuan pertuturan seperti '*erotetic (questions)* dan '*directive (requests)*'. Namun begitu, strategi pertanyaan dalam konteks kajian ini memberi gambaran bahawa sesuatu pertanyaan ini bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan informasi atau jawapan secara langsung tetapi juga mempunyai pelbagai fungsi secara tidak langsung yang dinyatakan seperti di bawah:

- i) Untuk memberi pendapat
- ii) Untuk mendapatkan kepastian
- iii) Untuk mendapatkan sokongan
- iv) Untuk menjaga perasaan
- v) Untuk mendapatkan informasi

Dapatan ini menunjukkan lakuan kanak-kanak lebih gemar menggunakan bahasa yang mudah dan paling

dominan untuk menyampaikan maklumat berdasarkan pemerhatian, lisan dan bual santai.

Penggunaan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) amat bersesuaian bagi memperlihatkan hubungan komunikasi antara penutur dengan pendengar untuk memahami dengan lebih jelas tentang makna komunikasi penutur. Oleh yang demikian, keberkesanan maklumat yang disampaikan dapat memberikan impak yang positif kepada guru untuk membantu dan memperlihatkan kategori lakuan pertuturan yang dibincangkan oleh para sarjana dalam bidang seperti Searle (1969), Bach dan Harnish (1979) dan Austin yang boleh membentuk golongan kanak-kanak ke arah lebih mekanikal dalam perhijrahan dunia yang dirasai kini. Menurut Krashen (1994), dalam persekitaran bilik darjah pembelajaran kanak-kanak akan menguasai bahasa apabila mereka diberikan latihan dialog, lakonan, perbincangan kumpulan dan aktiviti komunikatif dan lain-lain. Jelasnya, lakuan pertuturan akan kelihatan bersopan jika mereka dapat mengamalkan nilai-nilai murni serta berbudaya dalam kelompok masyarakat yang mereka sertai kerana terdapat pembentukan kata atau ujaran yang boleh menerangkan sesuatu yang tidak mereka fahami, meskipun ianya adalah satu maklumat yang penting.

menghasilkan satu pendekatan kepada proses mengenal lakuan pertuturan dalam kalangan murid-murid prasekolah dan mengenal pasti jenis lakuan

#### **Rajah 6. Analisa Distrektif**


<b>Jenis lakuan pertuturan</b>	<b>Peratus kekerapan %</b>
asertif	75
direktif	25
ekspresif	1.0
komisif	0.2

Melalui penelitian dalam rajah 6 dan graf 1, analisa distrektif telah menunjukkan bahawa lakuan pertuturan asertif telah melonjak sebagai peratus kekerapan yang tinggi kerana kekerapan penggunaan bahasa yang berlaku kepada kanak-kanak prasekolah yang masih dalam fokus menggunakan lakuan pertuturan asertif 75% berbanding dengan lakuan pertuturan direktif 25%. Perbandingan ini dapat membantu guru dalam penelitian diperlukan bagi menguatkan lagi kajian dengan subjek kajian yang dijalankan. Secara keseluruhan kajian yang dijalankan ini telah dapat

pertuturan yang digunakan sesuai dengan objektif yang telah dirancang. Melalui graf 1 ini juga dapat menjelaskan bahawa lakuan pertuturan asertif merupakan lakuan tutur yang terlalu mudah

digunakan oleh kanak-kanak prasekolah untuk berinteraksi dengan rakan sebaya ketika melakukan aktiviti yang dijalankan.

**Graf 1. Analisa distriktif**



## VI KESIMPULAN

Kajian ini telah menyedarkan guru betapa pentingnya persediaan dalam membentuk pengajaran kelas dan dapat membantu kanak-kanak merangsangkan pemikiran kreatif dalam setiap pengajaran yang berlaku akan memberi impak meskipun perlahan tetapi dapat membantu meningkatkan kemahiran dan kreativiti kanak-kanak prasekolah untuk belajar dengan lebih tekun meskipun ada masalah yang berlaku dalam diri mereka. Pihak guru juga amat memahami kerana pemantauan yang berlaku kepada kanak-kanak dalam kalangan murid juga adalah atas dasar sifat bertanggungjawab kerana emosi guru berkait rapat dengan emosi kanak-kanak dan layanan yang sama rata dalam kalangan kanak-kanak akan membantu mereka bertindak dan mereka juga perlu dididik dengan penuh kasih sayang. Hasil dapatan mendapati aktiviti yang dijalankan dapat membantu kanak-kanak yang bermasalah terutama dalam mengaitkan masalah dan cara guru untuk membantu menyelesaikan masalah yang berlaku. Dapatan yang diperolehi melalui pembelajaran murid prasekolah di rumah bersama ibu bapa amat memberangsangkan kerana guru boleh mengetahui strategi yang sesuai untuk membantu mereka ketika berada di sekolah.

Guru perlu memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyatakan pendapat walau dengan apa cara sekalipun. Guru juga harus menjalankan kajian lanjutan bagi mendapat gambaran dan kajian agar dapat digeneralisasikan kepada masyarakat yang memerlukan bantuan terutama dalam pengurusan emosi kanak-kanak prasekolah. Justeru dalam Pendidikan Prasekolah melalui KSPK semakan 2017, kajian yang telah pengkaji jalankan banyak membawa unsur-unsur pendidikan yang berasas kepada sahsiah individu sesuai dengan keperluan tahap pendidikan terkini apabila subjek Sivik diselitkan dalam semua subjek teras bagi meningkatkan mutu pendidikan negara.

RUJUKAN

- [1] Asmah Haji Omar (1993). *Bahasa Dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [2] Alessi da Trollip.2001, Multimedia for learning.3rd ed: Pearson Education
- [3] Ahmad Fadilahtur Rahman (2016)*Tutur Pujian Guru Dalam Interaksi* Publication Research. Indonesia
- [4] Abdullah,H & Ainon,M 2005).mendorong Kreativiti kanak- kanak.PTS Publication, Selangor.
- [5] Bach, and Harnish, (1969).*Lingustic Communication and Speech Act*.Massachusetts: The Massachusetts Institute of Technology
- [6] Ben Ari,1997, Lewis, 1995, Japanese Education.Suggests, Japanese preschool have the aim of.
- [7] Burnett, C (2010) .Technology and literacy in early childhood Educational setting: A Review of research: JOurnal Of Early Childhood Literacy 2010 10: 247.DOI: 11777/1468798410372154.
- [8] Cho,K-S,% Krashen,S (1994).Vocabulary From The Sweet Valley Kids Series: Adult ESL Acquisition.Journal Of Reading,37,667-667.
- [9] Chew, F. P., & Zahari Ishak. (2010). Malaysian folk literature in early childhood education. *World Academy of Science, Engineering and Technology*, (Jun), p. 66. (ISSN 2070 – 3724). (ISI-Cited Publication).
- [10] Lado R (1957) *Linguistic Across Culture: Applied Linguistic For Language Teachers*. Ann Arbor, University of Michigan Press
- [11] Pronina, M., Prieto, P., Bischetti, L., & Bambini, V. (2023). Expressive pragmatics and prosody in young preschoolers are more closely related to structural language than to Mentalizing. *Language Learning and Development*, 19(3), 323-344
- [12] Marriam,Sharan B,(2002) *Qualitative research in practice:Example for discussion and analysis:San Francisco:Jossey-Bass*
- [13] Norsita Ali,Zainal Madon (2014) Tinjauan Awal Interaksi Huru – kanak-kanak Dalam Pemupukan Pemikiran Kreatif kanak-kanak Prasekolah.
- [14] Wunderlich (1976, 1977) dan Hausser (1977)Syndrome with Unilateral Hemivaginal.
- [15] Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon (2021),Lakuan Pertuturan Dalam Video Infografik Covid-19. Universiti Islam Antarabangsa,Pagoh,Johor.
- [16] Sh.Nor Putih, Aliza Ali (2011) dalam pendekatan bermain dalam pengajaran literasi Pendidikan Prasekolah .
- [17] Searle, J.R (1969) *Speech Act an Essay in the Philosophy of Language*: Cambridge University Press.
- [18] Searle, J. R., & Vanderveken, D. (1985). *Speech Acts and Illocutionary Logic*. In
- [19] Searle,John R.(1969).*Speech Acts:An Assay in the Philosophy of language*.
- [20] Searle,John.(1968).Austin on Locutionary and Illocutionary Acts. *Philosophical Review*.

**AUTHOR'S INFORMATION**

<p><b>First Author: Name</b></p> <div data-bbox="209 331 453 495" style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; text-align: center;">First Author- Photo</div>	<p>Hasmahyon Bt Hj Bujang Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. (Guru) Pelajar Phd (Bahasa Melayu) UPM Serdang 43400 Selangor.Malaysia</p>
<p><b>Second Author: Name</b></p> <div data-bbox="209 712 453 875" style="border: 1px solid black; border-radius: 15px; padding: 10px; text-align: center;">Second Author- Photo</div>	<p>Prof.DrVijayaletchumy A/P Subramaniam Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi UPM Serdang 43400 Selangor.Malaysia E-mail: vletchumy@upm.edu.my</p>

**PENGAKUAN.**

Saya telah membuat kajian ini pada Mac 2024 di SK ST Michael Entingan di Kota Samarahan selama tiga bulan bagi membantu murid prasekolah yang mengalami masalah pembelajaran dan kaitan dengan kesihatan. Syukur, kerana Guru Besar, dan ibu bapa turut memberi bantuan membenarkan kajian dijalankan.

Penulis;

Hasmahyon Bt Hj Bujang.